



# Factsheet ORG03

## WWC Check (Pemeriksaan Bekerja dengan Kanak-kanak)

### Sektor sukan dan rekreasi

Malay | Bahasa Melayu

Berikut ialah senarai **kategori kerja berkenaan kanak-kanak** yang mungkin berkaitan dengan sektor sukan dan rekreasi, untuk orang yang ada peranan melibatkan, atau kemungkinan melibatkan, ‘kontak’ dengan kanak-kanak dalam **tugas biasa** mereka.

Jadual ini hanya sebagai panduan dan tidak semestinya lengkap. Jadual ini tidak termasuk semua keadaan atau jenis mengikut peranan khas dan tanggungjawab yang berkaitan.

Contoh yang diberikan mungkin juga ada [exemption](#).

Jika lebih daripada satu kategori digunakan, kelab/persatuan hendaklah memilih kategori yang paling kurang exemption, misalnya Kategori 15 patut dipilih bukan Kategori 12 untuk kelab/persatuan yang menjalankan aktiviti semalam.

Kategori mungkin termasuk:	Peranan mungkin termasuk:
 4. Khidmat coaching (bimbingan) atau tuisyen persendirian tidak kira jenisnya	<ul style="list-style-type: none"><li>• orang yang memberi bimbingan atau tuisyen kanak-kanak, seperti coach/tutor sukan persendirian atau guru renang, yang tiada kaitan dengan kelab atau persatuan (kategori 12)</li><li>• coach negeri lain atau antarabangsa yang bekerja dengan kanak-kanak di Australia Barat</li><li>• pelajar yang menjadi coach pasukan sukan junior sebagai tugas penempatan kerja (latihan amali wajib)</li><li>• jurulatih persendirian yang mengadakan sesi perseorangan untuk kanak-kanak</li><li>• coach / pengajar yang mengajar di kelas pusat rekreasi yang terutamanya untuk kanak-kanak</li></ul>
 5. Aturan tempat tinggal atau penjagaan kanak-kanak	<ul style="list-style-type: none"><li>• orang yang menyediakan asrama kanak-kanak untuk pasukan pelawat</li></ul>

Kategori mungkin termasuk:	Peranan mungkin termasuk:
 12. Kelab, persatuan, atau pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> <li>coach/tutor/pengajar yang mengadakan aktiviti untuk kanak-kanak</li> <li>wasit/pengadil/hakim pasukan junior atau pertandingan junior</li> <li>peranan sokongan pasukan junior, misalnya pengurus pasukan dan anggota pertolongan cemas/medik</li> <li>peranan kantin yang melayani peserta junior</li> <li>orang yang menjadi ahli lembaga, yang menyampaikan pingat/anugerah kepada ahli junior</li> <li>pelawat / VIP yang datang ke kelab atau persatuan untuk menyampaikan pingat/anugerah</li> </ul>
 15. Overnight camp (khemah semalam)	<ul style="list-style-type: none"> <li>orang yang menjalankan aktiviti, melatih atau merasmikan acara/khemah semalam</li> <li>orang yang mengawasi kanak-kanak dalam acara/khemah semalam</li> <li>orang menghidangkan makanan untuk peserta junior dalam acara/khemah semalam</li> </ul> <p>Termasuk sukarelawan <b>ibu bapa</b> dan tidak kira sama ada mereka sendiri bermalam atau tidak.</p>
 16. Khidmat pengangkutan khas untuk kanak-kanak	<ul style="list-style-type: none"> <li>orang yang khas mengangkut kanak-kanak untuk sebuah kelab/persatuan/pasukan</li> </ul>

## **Adakah organisasi anda ramai kanak-kanak yang menjadi anggota atau ikut terlibat?**

Kategori yang paling banyak digunakan untuk sektor sukan dan rekreasi ialah Kategori 12: Kelab, persatuan atau pergerakan (termasuk dalam bidang budaya, rekreasi atau sukan, tidak kira diperbadankan ataupun tidak) dengan ramai kanak-kanak menjadi anggota atau ikut terlibat, tetapi tidak termasuk aturan tidak rasmi yang dibuat untuk keperluan sendiri atau keluarga.

Organisasi itu ada ramai kanak-kanak menjadi anggota atau ikut terlibat, apabila:

- ramai atau sebahagian besar anggotanya kanak-kanak
- kanak-kanak ikut terlibat dalam sebahagian besar aktivitinya
- aktiviti organisasi ditujukan khas kepada, atau untuk menarik, kanak-kanak. Misalnya, kelab pelayaran yang ahlinya hanya orang dewasa mungkin meluaskan keahliannya dan melakukan usaha khas untuk menarik kanak-kanak menjadi ahli.

## **Apakah aturan tidak rasmi?**

Working with Children (WWC) Screening Unit menganggap “aturan tidak rasmi yang dibuat untuk keperluan sendiri atau keluarga” ertiannya sesuatu yang dibuat secara sambilan dan hanya untuk sekumpulan sahabat handai atau ahli keluarga yang tidak ramai. Misalnya, jiran membawa beberapa orang kanak-kanak dari jalan mereka ke padang bola sepak tempatan.

Aturan rasmi mungkin termasuk orang yang mengiklankan khidmat mereka, iaitu perniagaan yang memberi khidmat berkaitan; atau mempromosikan khidmat mereka secara umumnya kepada kanak-kanak dan bukan hanya melayani permintaan kanak-kanak dalam rangkaian sosial mereka sendiri. Misalnya, orang yang mengiklankan perkhidmatan coaching kepada kanak-kanak di kawasan sekelilingnya.

Penting diingat, aturan itu mungkin pada mulanya tidak rasmi tetapi kemudian menjadi rasmi, dan dengan itu mungkin diwajibkan ada WWC Check.

## **Apakah exemption sukarelawan ibu bapa?**

Ramai ibu bapa yang memberi khidmat sukarela dalam aktiviti yang melibatkan anak mereka diberikan exemption, tidak perlu memohon WWC Check. Misalnya, sukarelawan ibu bapa yang menjadi coach pasukan sukan anak mereka. Penting diingat, exemption sukarelawan ibu bapa diberikan secara berbeza-beza mengikut kategori kerja berkenaan kanak-kanak. Untuk lebih banyak penerangan sila baca [Factsheet CRW03 – Exemptions, the parent volunteer exemption.](#)

Mulai 1 Julai 2023, sesiapa yang ada **Negative Notice** atau **Interim Negative Notice** dilarang mendapatkan exemption sukarelawan ibu bapa. Untuk lebih banyak penerangan sila baca [Factsheet CRW04 – Exemptions, narrowing of access.](#)

## **Bagaimana caranya organisasi kami menentukan siapa sukarelawan dan siapa yang dibayar gaji?**

Sukarelawan ialah orang yang melakukan kerja berkenaan kanak-kanak untuk majikan, badan sukarela atau **badan pendidikan** tanpa mendapat upah atau gaji.

Jika dibayar hanya untuk menampung kos melakukan kerja berkenaan kanak-kanak, orang itu dikira tidak mendapat upah dan dianggap sukarelawan oleh WWC Screening Unit (Unit Pemeriksaan WWC).

Setiap organisasi patut fikirkan dengan teliti sama ada sesuatu bayaran kepada orang itu boleh secara munasabah dianggap gaji ataupun bayaran untuk menampung kos. Hal ini patut dilakukan sebelum menentukan apa-apa exemption, atau menandatangani Borang Permohonan WWC Check atau permohonan untuk membaharuiinya.

Apabila membuat keputusan ini, mungkin berguna untuk organisasi mempertimbangkan soalan-soalan berikut:

- Apakah kos yang ditanggung orang itu untuk melakukan kerja? Kos itu mungkin termasuk kos perjalanan, panggilan telefon, pakaian seragam, alat tulis, peralatan sukan dan barang lain jika mereka perlu melakukan kerja berkenaan kanak-kanak.

- Berapa lamakah tempoh khidmat itu diberikan dan bayaran dibuat? Misalnya, jika bayaran kepada orang itu tidak melebihi jumlah yang munasabah untuk menampung kos yang ditanggung sepanjang tahun, orang itu boleh dianggap sukarelawan.
- Adakah bayaran yang diterima orang itu melebihi kos yang ditanggung untuk melakukan kerja? Jika ya, dia dianggap pekerja bergaji. Tidak penting sama ada kerja itu kerap atau jarang berlaku dan sama ada bayarannya kecil tetapi kerap, atau besar tetapi jarang.

Contohnya, pengadil bola jaring yang mengadili satu permainan setiap minggu dan menerima \$20, boleh dianggap menerima bayaran untuk menampung kos (perjalanan, yuran keahlian, akreditasi, dan pakaian seragam). Namun, jika orang yang sama itu mengadili tiga pertandingan pada hari Sabtu dan menerima \$20 setiap pertandingan, bayaran itu boleh dikira melebihi kos dan menjadi upah.

Makna perkataan **huruf tebal** boleh diketahui dalam glosari Working with Children Check di [www.workingwithchildren.wa.gov.au](http://www.workingwithchildren.wa.gov.au)